

22 FEB 2002

Siva-Aduan

CUEPACS MINTA JPA WUJUDKAN BIRO ADUAN UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN

JASIN, 22 Feb (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mewujudkan biro aduan yang boleh mendengar masalah kakitangan kerajaan dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Presidennya N. Siva Subramaniam berkata kewujudan biro berkenaan adalah penting untuk menjadi saluran kepada kakitangan kerajaan yang mempunyai masalah dengan ketua jabatan masing-masing dan ia boleh diadili dengan lebih bijak dan berkesan.

"Dengan adanya biro seumpama itu, masalah kakitangan kerajaan dapat diselesaikan dengan baik dan tidak perlu mereka menggunakan saluran mahkamah atau media untuk menyatakan ketidakpuasan hati mereka terhadap ketua jabatan mereka," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis penyampaian cek bernilai RM110,000 kepada seorang guru Sek Men Keb Teknik Bukit Katil iaitu Ahmad Fauzi Ibrahim, 38, yang cedera terkena kejutan elektrik di rumahnya di Bemban di sini.

Cek daripada MUI Continental Insurance Bhd itu disampaikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam kepada bapa mangsa, Ibrahim Endot, 68. Ahmad Fauzi mempunyai polisi insuran yang dibeli melalui Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan dengan bayaran premium sehari 15 sen atau RM4.50 sebulan.

Mohd Ali turut menyatakan Barisan Nasional (BN) negeri akan menyumbang sebanyak RM1,000 kepada guru berkenaan untuk menampung kos perubatannya.

Siva yang juga Setiausaha Agung Kesatuan berkata Cuepacs menerima banyak aduan daripada kakitangan kerajaan mengenai ketua jabatan masing-masing dan apabila diajukan aduan berkenaan kepada ketua jabatan, mereka selalu melaporkan ia berada dalam keadaan baik.

"Dengan itu, ada kakitangan kerajaan yang tidak berpuashati dengan ketua jabatan mereka mengambil tindakan untuk menjadi calon pembangkang atau undi pembangkang dalam pilihan raya," katanya.

Beliau berkata dengan adanya biro berkenaan juga ia akan memastikan ketua-ketua jabatan tidak menggunakan kuasa mereka sewenang-wenangnya kerana ada saluran lain yang akan mengadili tanggungjawab mereka itu.

Katanya, Cuepacs juga menyokong cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang meminta kerajaan membuat peraturan bagi membolehkan suami yang bekerja di sektor awam mendapat cuti tanpa rekod ketika isteri bersalin.

"Kita sokong cadangan itu dan diharapkan ia diperluaskan kepada kes-kes lain seperti menjaga anak yang sakit dan tugas-tugas penting seperti menjadi saksi mahkamah. Sekarang cuti berkenaan hanya diberikan tiga hari," katanya.

Mengenai penambahbaikan dalam Sistem Saraan Baru (SSB), Siva mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersedia mengambilkira pandangan Cuepacs dalam perkara berkenaan.

Beliau berkata Cuepacs berpuas hati dalam perjumpaannya dengan JPA baru-baru ini mengenai perkara itu dan berharap penambahbaikan dalam SSB itu dapat menyelesaikan masalah kakitangan kerajaan.

"Cuepacs mendapati ramai kakitangan kerajaan tidak berpuas hati dengan SSB dan konsep melintang, menengak yang ada dalam sistem berkenaan membawa keruntuhan moral kepada kakitangan kerajaan," katanya.

Katanya apabila penambahbaikan itu dilaksanakan, Cuepacs menjamin sistem yang baru itu tidak akan mendatangkan masalah kepada kakitangan kerajaan.

"Yang penting sekarang ialah kakitangan kerajaan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dan melaksanakan dasar-dasar kerajaan untuk kebaikan rakyat," katanya.

-- BERNAMA

SBS FAZ